



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.3 (10)
Tarikh : 18 Januari 2022
15 Jamadil Akhir 1443H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab di bawah
Kerajaan Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2022 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) pada 18 Januari 2022 telah bersetuju meluluskan Pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2022 kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Surat Arahan Operasi ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JKMM, no. Rujukan : JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(36) bertarikh 18 Januari 2022.

3. MMKN melalui Risalat MMKN P.15 4B/2/2022 bersetuju untuk meluluskan BKK Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2022 diberikan kepada pegawai yang layak seperti berikut :

- a) Pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service* dan *contract for service* bagi semua skim dan gred perjawatan;
- b) Kakitangan di Pejabat YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), YB ADUN dan Pegawai Penyelaras DUN (tertakluk kepada kuota pelantikan yang telah ditetapkan iaitu lapan (8) orang untuk pejabat YB Ahli MMKN dan lima (5) orang untuk pejabat YB ADUN serta Pegawai Penyelaras DUN);
- c) Pekerja Sambilan Harian (PSH);
- d) Pegawai yang berada dalam perkhidmatan dari tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 April 2022 serta telah berkhidmat tanpa terputus perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan/180 hari termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am



layak diberi bayaran BKK berjumlah setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00;

- e) **Pegawai yang berada dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dari tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 April 2022 tetapi tempoh perkhidmatan kurang dari enam (6) bulan/180 hari layak diberi bayaran BKK berjumlah RM1,000.00 namun tertakluk kepada syarat sekurang-kurangnya berada dalam perkhidmatan selama 30 hari tanpa terputus termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;**
 - f) **Pegawai yang bercuti bergaji penuh;**
 - g) **Pegawai yang bercuti separuh gaji;**
 - h) **Pegawai yang bercuti tanpa gaji;**
 - i) **Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;**
 - j) **Guru Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM);**
 - k) **Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;**
 - l) **Pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran; dan**
 - m) **Pekerja yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan dan mematuhi tempoh syarat perkhidmatan.**
4. **Pegawai yang tidak layak diberi BKK adalah:**
- a) **Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 April 2022;**
 - b) **Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 April 2022; dan**

- c) Pegawai yang meletak jawatan (tetap/kontrak) atau ditamatkan perkhidmatan sebelum berakhirnya tempoh kontrak yang sedang berkuatkuasa di antara 1 Januari 2021 hingga 25 April 2022.
5. Selaras dengan pelaksanaan di peringkat Persekutuan, Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap (sekurang-kurangnya 2 dos) selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar akan ditangguhkan pemberian BKK Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewatnya-lewatnya pada 31 Mac 2022.
 6. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Ketua Jabatan/Agensi untuk memastikan hanya pegawai yang memenuhi syarat dos imunisasi yang lengkap sahaja layak untuk dibayar BKK serta semakan atau pelarasan bersama Unit Gaji/Kewangan di Jabatan/Agensi perlu dilaksanakan.
 7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan BKK ini. Pegawai hanya layak diberi BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.
 8. Bantuan Khas Kewangan ini dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 25 April 2022 dengan syarat tempoh perkhidmatan telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.
 9. BKK bersamaan setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 dibayar pada tarikh pembayaran gaji bagi bulan Januari 2022 dan April 2022 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.
 10. Bantuan Khas Kewangan ini juga dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.
 11. **Bayaran BKK Tahun 2022** adalah pada Januari 2022 dan April 2022:-
 - 11.1 Melalui *Payroll*
 - i) Jabatan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat bantuan khas di sistem iSPEKS melalui:-
 - Modul Gaji
 - Proses Bonus/Bantuan Khas/Premium/APC

➤ **Kemaskini Maklumat Bonus/ Bantuan Khas/ Premium/APC**

- ii) Kemaskini dengan memastikan nama pegawai yang layak dan amaun yang perlu dibayar. Kelayakan pegawai perlu dirujuk kepada surat edaran JKMM.BPSM.100-1/8/4 Jld.3(36) bertarikh 18 Januari 2022.
- iii) Pengemaskinian maklumat perlu dibuat oleh PTJ **selewat-lewatnya pada 19 Januari 2022 (Rabu) / 13 April 2022 (Rabu) sebelum jam 1.00 petang.**
- iv) Cetak Laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) yang telah diedit 2 salinan dan **disahkan** oleh Ketua Jabatan. Satu salinan untuk simpanan dan semakan PTJ, dan satu salinan perlu dihantar ke Unit Gaji, Bendahari Negeri.

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.

.....
(Tandatangan, Nama & Cop Jabatan)

11.2 Melalui Baucar Berasingan

Bagi pegawai yang layak tetapi nama tiada di dalam laporan G004, bayaran BKK perlu dibuat melalui baucar berasingan. **Baucar berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem iSPEKS selewat-lewatnya pada 20 Januari 2022 (Khamis) / 21 April 2022 (Khamis).** Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK JAN / APRIL 2022 – "nama pegawai". Contoh: BKK JAN 2022 – Sallehuddin Bin Aziz.**

- 12. Pengiraan bagi tujuan bayaran BKK adalah **berdasarkan kepada gaji terakhir yang diterima oleh pegawai pada Disember 2021.**
- 13. **Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik dan dibuat pelarasan pada bulan Februari 2022 / Mei 2022 mengikut arahan berkuatkuasa.**
- 14. Bagi tujuan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini, semua Jabatan/PTJ dikehendaki menyediakan Kew.8 dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai yang berkenaan. Bagi bayaran melalui Baucar berasingan, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut. Sebarang kemusykilan

mengenai kelayakan penerima BKK perlu dirujuk kepada **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** mengikut isu yang berbangkit.

15. Surat arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung tatacara bayaran di atas, sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/7298/7802**.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORHAILIZ BINTI PATAH)
b.p. Bendahari Negeri
MELAKA

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Kewangan Negeri

SEPERTI SENARAI EDARAN

1. Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri, Melaka.
2. Dewan Undangan Negeri, Melaka.
3. Jabatan Ketua Menteri, Melaka.
4. Jabatan Pertanian Negeri, Melaka.
5. Pejabat Tanah dan Galian Negeri, Melaka.
6. Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Melaka.
7. Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka.
8. Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Melaka.
9. Jabatan Pengairan dan Saliran, Melaka.
10. Jabatan Hutan, Melaka.
11. Jabatan Kerja Raya, Melaka (Ibu Pejabat).
12. Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah.
13. Jabatan Kerja Raya Alor Gajah, Melaka.
14. Jabatan Kerja Raya Jasin, Melaka.
15. Jabatan Kerja Raya Mekanikal, Melaka.
16. Jabatan Agama Islam, Melaka.
17. Jabatan Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Melaka.
18. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Melaka.
19. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Melaka.
20. Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Melaka.
21. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Melaka.
22. Mahkamah Syariah Negeri, Melaka.
23. Pejabat Mufti, Melaka.
24. Tabung Amanah Pendidikan Negeri, Melaka.